

Lima universiti terima geran SKMM

KUALA LUMPUR 4 Nov. - Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) hari ini menganugerahkan geran kepada lima institusi pengajian tinggi (IPT) bagi menjalankan penyelidikan di bawah Program Kolaborasi Penyelidikan Rangkaian Media (NMCRP).

Ketua Pegawai Kawal Selia Industri SKMM, Toh Swee Hoe berkata, dana tersebut disumbangkan untuk penyelidikan dan pembangunan rangkaian media bagi mewujudkan kesedaran dan memberi pendidikan kepada masyarakat.

Katanya, SKMM telah memperuntukkan geran sebanyak RM70,000 ke RM200,000 kepada kelima-lima IPT tersebut dengan tempoh penyelidikan berbeza daripada 12 ke 24 bulan.

“SKMM komited menyebarkan maklumat kepada masyarakat menerusi pelbagai program kesedaran di bawah NMCRP seperti Klik Dengan Bijak (KDB).

“Pemberian geran dapat membantu kami mencari pelbagai kaedah dan alternatif baharu dalam memastikan rakyat negara ini menggunakan rangkaian media dengan betul dan kesannya,” katanya ketika berucap dalam Seminar Penyelidikan Rangkaian Media SKMM di sini hari ini.

Menurut Swee Hoe, lima universiti yang menerima dana adalah Universiti Sains Malaysia (USM), Universiti Heriot-Watt Malaysia, Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan Universiti Teknologi Petronas (UTP).

“Antara penyelidikan yang akan dilakukan seperti Media Baharu dan Kesedaran Sejarah di Malaysia, Impak Aplikasi Rangkaian Sosial (SN) Kepada Pelajar Sekolah Menengah Malaysia, Klik Dengan Bijak, Program Intensif Untuk Penggunaan Internet Yang Kerap dan Celik Media: Memupuk Amalan Produktif Golongan Muda di Malaysia,” katanya,